

Arahan : Jawab semua soalan dalam **Bahagian A** dan **Bahagian B** serta **satu** soalan daripada **Bahagian C**

BAHAGIAN A

[20 Markah]

[Masa dicadangkan : 30 Minit]

Soalan 1- 4

Lengkapkan ayat-ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang **paling sesuai**.

1. Pelbagai usaha sedang dilakukan oleh kerajaan Myanmar ke arah _____ kehidupan rakyatnya yang sebelum ini sentiasa terlibat dalam peperangan saudara.
- A. Tenteram
 - B. ditenteramkan
 - C. Penenteraman
 - D. Ketenteraman

Soalan 2 berdasarkan gambar di bawah.



2. Fuad _____ motosikalnya yang rosak ke Bengkel Ah Seng untuk dibaiki.
- A. Menarik
 - B. Memapah
 - C. Menuntun
 - D. Menunggang
3. Perabot yang dihasilkan _____ kayu jati itu lebih cantik dan tahan lebih lama.
- A. dari
 - B. bagi
 - C. untuk
 - D. daripada
4. Pegawai yang disyaki _____ itu sedang disoal siasat oleh pihak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).
- A. makan hati
 - B. makan gaji
 - C. makan suap
 - D. makan angin

Soalan 5 dan soalan 6

Ayat-ayat di bawah ini **mungkin betul** dan **mungkin salah** . Jika **terdapat kesalahan** , kesalahan itu telah ditandakan dengan **A, B** atau **C** dan jika tiada kesalahan telah ditandakan dengan **D** . Pilih jawapan yang **paling sesuai** .

5. Ahli sains-ahli sains negara telah menjalankan uji kaji terhadap struktur tanah yang
A B
terdapat di Kutub Utara pada penghujung tahun ini. Tiada kesalahan
C D
6. Tuk Wan menceritakan tentang pengalamannya semasa menjadi buruh paksa Jepun di
A B C
Siam. Tiada kesalahan.
B

Soalan 7 dan soalan 8

Pilih ayat yang menggunakan **perkataan yang berhuruf condong** dengan betul.

7. I. *Mendalam* soal ini, dia tidak harus dipersalahkan.
II. Masalah itu dibincangkan secara *mendalam* antara empat mata.
III. Fikirlah secara *mendalam* sebelum membuat sebarang tindakan.
IV. Air perigi semakin *mendalam* setelah hujan turun tanpa henti.
- A. I dan II sahaja
B. I dan III sahaja
C. II dan III sahaja
D. III dan IV sahaja
8. I. Jasa Cikgu Zainab tetap *segar* dalam ingatan anak-anak muridnya.
II. Tuliskan Fahmi *segar* dan memudahkan guru kelas untuk membacanya.
III. Udara di Tanah Tinggi Cameron itu sungguh dingin dan *segar*.
IV. Pokok-pokok yang ditanam oleh ayah di kebun sungguh *segar*.
- A. I dan II sahaja
B. I dan III sahaja
C. II dan III sahaja
D. III dan IV sahaja

Soalan 9 dan soalan 10

Bahagian yang **bergaris** dalam ayat yang berikut **mungkin mengandungi kesalahan penggunaan Bahasa dan mungkin juga tidak** .

Tandakan sama ada **A, B, atau C** jika ayat ini mengandungi kesalahan dan tandakan **D** jika tiada kesalahan.

9. Rahimi bertanyakan kepada saya tentang arah ke rumah Azim.

- A. bertanya saya
- B. ditanyakan saya
- C. bertanya kepada saya
- D. bertanyakan kepada saya

10. Ujian lisan berlangsung selama satu jam setengah.

- A. jam satu setengah
- B. satu setengah jam
- C. setengah satu jam
- D. satu jam setengah

Soalan 11 dan soalan 12

Pilih ayat-ayat yang **betul**.

11. I. Hariz adalah murid tertinggi di sekolahnya.

II. Kami keluar dari Raju klinik pada pukul 9.00 malam.

III. Kanak-kanak itu tersenyum gembira apabila ternampak kelibat ayahnya.

IV. Semua peserta diminta berkumpul di hadapan pagar sekolah pada pukul 7.00 pagi.

- A. I dan II sahaja
- B. II dan III sahaja
- C. III, dan IV sahaja
- D. II, III dan IV sahaja

12. I. Latihan bola jaring pada petang ini akan dibatalkan jika sekiranya hujan.

II. Internet membolehkan pengguna di dunia berhubung antara satu sama dengan lain.

III. Guru-guru perlu menyebarkan maklumat tentang bahaya pencemaran alam kepada murid-murid.

IV. Kita hendaklah bijaksana apabila berkomunikasi dengan orang lain untuk mengelakkan konflik.

- A. I dan II sahaja
- B. II dan III sahaja
- C. III, dan IV sahaja
- D. II, III dan IV sahaja